

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**  
minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- a. senarai penyumbang dan penderma berjumlah RM20,000 ke atas setahun kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dari 2010 hingga 2018; dan
- b. senarai 25 penerima bayaran terbesar (samada bayaran kontrak, perkhidmatan atau sumbangan) daripada YWP untuk setiap tahun dari 2010 hingga 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) adalah sebuah syarikat amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai ‘Syarikat Berhad Menurut Jaminan’ dan YWP bukan agensi Kerajaan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Pelantikan Menteri Wilayah Persekutuan sebagai Pengurus dalam syarikat ini adalah berdasarkan keperluan dalam *Memorandum & Articles of Association* Yayasan Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.